

D.R. 4/94

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA
PADI DAN BERAS NEGARA
(SYARIKAT PENGGANTI) 1994**

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

PELETAKHAKAN HARTA, DSB., PADA SYARIKAT PENGGANTI

3. Peletakhakan.
4. Pegangan permulaan Kerajaan dalam syarikat pengganti.

BAHAGIAN III

**PERUNTUKAN-PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN
KAKITANGAN**

5. Kakitangan.

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi peletakhakan harta, hak dan liabiliti Lembaga Padi dan Beras Negara pada suatu syarikat, untuk membuat pengaturan kewangan bagi syarikat itu, untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan kakitangan dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Padi dan Beras Negara (Syarikat Pengganti) 1994 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

Tafsiran.

"hak" ertinya segala hak, kuasa, keistimewaan dan kekebalan, sama ada sebenar, kontingen atau prospektif, kecuali—

- (a) hak Kerajaan untuk mengawalselia berkenaan dengan perkara-perkara yang berhubungan dengan padi dan beras;

- (b) hak eksklusif dan berkekalan untuk mengimport dan mengeksport beras atau apa-apa hak eksklusif dan berkekalan lain yang berkaitan; dan
- (c) hak-hak yang berhubungan dengan tanah;

"harta" ertinya—

- (a) segala harta alih dan segala kepentingan, hak dan liabiliti, sama ada di sisi ekuiti atau undang-undang dalam, pada atau daripada apa-apa harta, hak dalam tindakan, wang dan nama baik; dan
- (b) segala hak dan liabiliti berkenaan kontrak-kontrak berhubungan dengan pembinaan bangunan-bangunan,

dan "terletak hak", berhubungan dengan harta, termasuk hak pada harta pada masa depan atau kontingen;

"liabiliti" ertinya tiap-tiap perihalan liabiliti, hutang, tanggungan, kewajipan dan obligasi (sama ada pada masa sekarang atau pada masa depan, sebenar atau kontingen, dan sama ada kena dibayar atau yang kena dipatuhi atau dilaksanakan di Malaysia atau di tempat lain);

Akta 47. "Lembaga" ertinya Lembaga Padi dan Beras Negara di bawah Akta Padi dan Beras Negara 1971;

"Menteri" ertinya Menteri yang pada masa ini dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi padi dan beras;

Akta 375 "Perbadanan" ertinya Menteri Kewangan yang diperbadankan melalui Akta Menteri Kewangan (Pemerbadanan) 1957;

Akta 125 "syarikat pengganti" ertinya syarikat berhad menurut syer yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965, dan dinamakan oleh Menteri dalam perintah di bawah

subseksyen 3(1), yang harta, hak dan liabiliti Lembaga Padi dan Beras Negara dipindahkan dan diletakhakan padanya di bawah seksyen 3;

"tanah" ertinya tanah sebagaimana ditakrifkan dalam seksyen 5 Kanun Tanah Negara 1965;

Akta 56/65

"tarikh ditetapkan" ertinya tarikh Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa;

"tarikh peletakhakan" ertinya tarikh bila segala harta, hak dan liabiliti Lembaga dipindahkan atau diletakhakan pada syarikat pengganti sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri dalam perintah di bawah subseksyen 3(1).

BAHAGIAN II

PELETAKHAKAN HARTA, DSB., PADA SYARIKAT PENGGANTI

3. (1) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan suatu tarikh peletakhakan dan pada tarikh itu, segala harta, hak atau liabiliti Lembaga hendaklah menurut Akta ini dipindahkan kepada dan terletak pada syarikat pengganti tanpa apa-apa pemindahan, penyerahhakan atau pemindah milikan. Peletakhakan.

(2) Tiap-tiap harta yang terletak menurut kuasa subseksyen (1) pada syarikat pengganti hendaklah terletak sedemikian pada syarikat dengan hakmilik atau kepentingan yang serupa sebagaimana ia terletak atau dipegang sebelum sahaja tarikh peletakhakan itu.

(3) Tiap-tiap hak dalam tindakan yang terletak menurut kuasa subseksyen (1) pada syarikat pengganti boleh, selepas tarikh peletakhakan itu, dituntut melalui guaman, didapatkan atau dikuatkuasakan oleh syarikat itu atas namanya sendiri dan tidaklah perlu bagi syarikat itu atau Lembaga memberikan notis kepada orang yang terikat hak dalam tindakan itu tentang peletakhakan yang dilaksanakan melalui subseksyen (1).

(4) Tiap-tiap hak dan liabiliti yang terletak pada melalui subseksyen (1) pada syarikat pengganti boleh, pada dan selepas tarikh peletakhakan, dituntut melalui guaman, didapatkan atau dikuatkuasakan oleh atau terhadap syarikat itu atas namanya sendiri dan tidaklah perlu bagi syarikat itu atau Lembaga memberikan notis kepada orang yang hak atau liabilitinya tersentuh oleh peletakhakan di bawah subseksyen (1).

(5) Apa-apa prosiding undang-undang yang belum selesai oleh atau terhadap Lembaga yang berhubungan dengan apa-apa harta, hak atau liabiliti yang berpindah kepada dan terletak pada syarikat pengganti menurut kuasa subseksyen (1) boleh, pada atau selepas tarikh peletakhakan itu, diteruskan oleh atau terhadap syarikat pengganti itu.

(6) Dalam hal hak dan liabiliti yang berbangkit di bawah apa-apa pinjaman yang terletak pada syarikat pengganti pada tarikh peletakhakan, syarikat itu boleh membuat apa-apa perkiraan atau perjanjian mengenai hak dan liabiliti sedemikian dengan Kerajaan Malaysia atau mana-mana pihak ketiga.

(7) Pada dan selepas tarikh peletakhakan, apa-apa perjanjian yang berhubungan dengan apa-apa harta, hak dan liabiliti yang berpindah kepada dan terletak pada syarikat pengganti di bawah subseksyen (1) yang Lembaga adalah pihak kepadanya sebelum sahaja tarikh peletakhakan itu, sama ada secara bertulis atau tidak, dan sama ada atau tidak daripada sesuatu jenis yang hak dan liabiliti di bawahnya boleh diserahkan oleh Lembaga, hendaklah berkuatkuasa seolah-olah syarikat itu telah menjadi suatu pihak kepada perjanjian itu.

(8) Bagi mengelakkan keraguan, pemindahan atau peletakhakan hak-hak pada syarikat pengganti di bawah subseksyen 3(1) hendaklah tidak termasuk pemindahan dan peletakhakan hak Kerajaan untuk mengawalselia perkara-perkara yang berhubungan dengan padi dan beras, dan hendaklah tidak memberi apa-apa hak

eksklusif dan berkekalan pada syarikat pengganti untuk mengimport dan mengeksport beras, dan ia tidak memberi apa-apa hak eksklusif dan berkekalan yang lain berkenaan dengan perkara-perkara yang berhubungan dengan padi dan beras.

4. (1) Berbangkit daripada peletakhakan pada syarikat pengganti akan harta, hak dan liabiliti di bawah seksyen 3, syarikat pengganti itu hendaklah menerbitkan apa-apa sekuriti syarikat sebagaimana Menteri Kewangan boleh arahkan, selepas berunding dengan Menteri, dari semasa ke semasa, kepada Perbadanan.

Pegangan permulaan Kerajaan dalam syarikat pengganti.

(2) Sekuriti-sekuriti yang dikehendaki diterbitkan menurut seksyen ini hendaklah diterbitkan atau diumpukkan pada bila-bila masa dan atas apa-apa terma, tentang pengumpulan, sebagaimana Menteri Kewangan boleh arahkan selepas berunding dengan Menteri.

(3) Sekuriti-sekuriti yang dikehendaki diterbitkan menurut seksyen ini—

- (a) hendaklah daripada apa-apa nilai nominal sebagaimana Menteri Kewangan arahkan; dan
- (b) hendaklah diterbitkan sebagai berbayar penuh dan dikira bagi maksud-maksud Akta Syarikat 1965 seolah-olah ia telah dibayarkan melalui pembayaran nilai nominal kepada syarikat pengganti.

(4) Menteri Kewangan boleh, selepas berunding dengan Menteri, melupuskan apa-apa sekuriti yang diterbitkan atau apa-apa hak pada sekuriti yang diumpukkan pada mulanya kepada Perbadanan menurut seksyen ini.

(5) Apa-apa dividen atau jumlah wang lain yang diterima oleh Perbadanan sebagai hak pada, atas pelupusan atau selainnya berkaitan dengan, apa-apa sekuriti atau hak yang diperolehi menurut kuasa seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

BAHAGIAN III

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN
DENGAN KAKITANGAN

Kakitangan. 5. (1) Syarikat pengganti hendaklah menyetujui terima untuk mengambil kerja, pada suatu tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, tiap-tiap orang yang sebelum sahaja tarikh itu adalah anggota kakitangan Lembaga dan yang telah diberi suatu pilihan oleh Lembaga dan telah memilih untuk berkhidmat sebagai pekerja syarikat itu.

(2) Tiap-tiap orang sedemikian yang memilih di bawah subseksyen (1) untuk berkhidmat sebagai pekerja syarikat pengganti hendaklah diambil kerja oleh syarikat itu atas terma dan syarat perkhidmatan yang tidak kurang baiknya daripada terma dan syarat perkhidmatan yang dia berhak kepadanya sebelum sahaja tarikh ditetapkan.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi peletakhakan harta, hak dan liabiliti Lembaga Padi dan Beras Negara pada suatu syarikat pengganti, untuk membuat pengaturan kewangan bagi syarikat itu dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan kakitangan.

2. *Fasal 1* bertujuan untuk membuat peruntukan mengenai tajuk ringkas dan tarikh mula berkuatkuasa dan *fasal 2* bertujuan untuk membuat peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan tafsiran.

3. *Fasal 3* bertujuan untuk membuat peruntukan bahawa, pada tarikh peletakhakan yang ditetapkan oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, segala harta, hak dan liabiliti Lembaga Padi dan Beras Negara yang dinyatakan dalam perintah itu, hendaklah berpindah kepada dan terletak pada syarikat pengganti seolah-olah ia adalah harta, hak dan liabiliti syarikat pengganti.

Walau bagaimana pun, untuk mengelakkan keraguan, *subfasal 3(8)* bertujuan untuk membuat peruntukan bahawa pemindahan dan peletakhakan hak-hak pada syarikat pengganti tidaklah termasuk

LEMBAGA PADI DAN BERAS NEGARA
(SYARIKAT PENGGANTI)

pemindahan dan peletakhakan hak Kerajaan untuk mengawalselia perkara-perkara berkenaan dengan padi dan beras. Ia juga tidak memberi apa-apa hak eksklusif dan berkekalan kepada syarikat itu untuk mengimport dan mengeksport beras atau pun apa-apa hak eksklusif dan berkekalan berkenaan dengan perkara-perkara yang berhubungan dengan padi dan beras.

4. *Fasal 4* bertujuan untuk membuat peruntukan untuk sekuriti-sekuriti syarikat pengganti yang diterbitkan atau diumpukkan kepada Perbadanan, iaitu Menteri Kewangan yang diperbadankan melalui Akta Menteri Kewangan (Pemerbadanan) 1957 dan bagi apa-apa pelupusannya.

5. *Fasal 5* bertujuan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan kakitangan. Tiap-tiap orang yang telah diberi pilihan oleh Lembaga Padi dan Beras Negara dan yang memilih untuk berkhidmat sebagai pekerja syarikat pengganti hendaklah diambil kerja oleh syarikat itu atas terma dan syarat perkhidmatan yang tidak kurang baiknya daripada terma dan syarat perkhidmatan yang dia berhak kepadanya sebelum sahaja tarikh ditetapkan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1776.]